

UCAPAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

MAJLIS PERASMIAN LAMAN SESAWANG MALAYSIA-SULUCASE.GOV.MY

**YB Senator Dato' Seri Diraja Dr Zambry bin Abdul Kadir
Menteri Luar Negeri**

**YB Tuan Ahmad Fahmi Ahmad Fadzil
Menteri Komunikasi dan Digital**

**YB Senator Dato' Sri Anifah Aman
Ahli Dewan Negara**

Tuan / Puan **wartawan** yang hadir,

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah dapat kita bersama untuk majlis pelancaran pada hari ini.
2. Sebahagian para hadirin mungkin tertanya-tanya, apakah signifikan laman sesawang ini. Mungkin sebahagian menyedari bahawa negara kita kini sedang berhadapan dengan satu tindakan penguatkuasaan award timbang tara di beberapa buah negara di Eropah iaitu Sepanyol, Perancis, Luxembourg dan Belanda.
3. Izinkan saya membawa tuan/puan mengimbuai **kembali sejarah Sabah**. Berdasarkan **satu perjanjian pada 1878**, Sultan Sulu telah menyerahkan untuk selama-lamanya, kawasan di bahagian timur Sabah kepada Baron Von Overbeck dan Alfred Dent. Bagi menyempurnakan perjanjian itu, **wang serahan sebanyak 5,300 dolar setahun hendaklah dibayar kepada waris Sultan Sulu tersebut**.
4. Apabila Sabah, bersama-sama Sarawak dan Persekutuan Tanah Melayu membentuk Malaysia pada tahun 1963, **Kerajaan Malaysia dengan suci hati tanpa ikatan perundangan meneruskan dengan bayaran serahan ini hinggalah pada tahun 2013** apabila pengganas dari *Royal Sulu Force* telah **menceroboh dan menyerang tanah air kita di Lahad Datu, Sabah**.
5. Selepas itu, **beberapa orang penuntut, yang mengaku sebagai waris Sultan Jamalul Kiram II, iaitu bekas Sultan Sulu yang**

meninggal dunia pada 1936 tanpa waris, telah mengambil tindakan timbang tara di Sepanyol. Malah, perlu ditegaskan bahawa tuntutan pihak ini terhadap Malaysia turut mengabaikan kehendak rakyat Sabah (*self-determination*) untuk menyertai Malaysia pada 1963, sepertimana yang telah dilapor oleh Suruhanjaya Cobbold.

6. Penimbang Tara bernama **Dr Gonzalo Stampa**, tanpa mempunyai sebarang asas perundangan yang kukuh membuat keputusan awardnya di Perancis setelah Mahkamah Tinggi Madrid, Sepanyol membuat keputusan yang berpihak kepada Kerajaan Malaysia dengan **membatalkan pelantikan Dr. Stampa sebagai penimbang tara sekaligus memutuskan bahawa partial award yang dikeluarkannya sebelum ini juga tidak sah dan terbatal (*null and void*).**
7. **Award yang diberikan Dr Stampa kepada beberapa penuntut ini adalah hampir berjumlah USD15 bilion atau RM63 bilion, iaitu satu award yang kedua terbesar dalam rekod timbang tara setakat ini.**
8. Sekarang, mereka sedang berusaha untuk menguatkuasakan award tersebut, agar mereka boleh **merampas aset negara Malaysia di luar negara dan mengugut Malaysia untuk membayar RM63 bilion kepada mereka sekaligus mengancam kedaulatan Malaysia.**
9. **Malaysia berpendirian tegas bahawa timbang tara ini ialah satu penyalahgunaan proses dan tidak mengiktiraf penimbang tara Dr Stampa tersebut, keabsahan award yang diputuskannya serta kesahihan penuntut-penuntut ini sebagai waris Sultan Jamalul Kiram II yang sah.**
10. Tuntutan ini adalah **tidak sah dan suatu cubaan warga asing yang dibiayai pemodal litigasi** yang mengancam sebuah negara berdaulat dengan menyalahgunakan proses timbang tara komersial antarabangsa.
11. Apatah lagi, **terdapat kaitan salah seorang penuntut ini dengan *Royal Sulu Force*** yang telah diklasifikasikan sebagai pengganas setelah pencerobohan Lahad Datu, Sabah yang meninggalkan sejarah hitam buat Malaysia apabila ramai perwira negara gugur

mempertahankan kedaulatan negara daripada dicerobohi pengganas Sulu pada tahun 2013.

12. **Seperti umum sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan satu Sekretariat Khas** bagi menangani tuntutan ini dan Malaysia juga akan terus mencabar tindakan penuntut-penuntut ini di mana-mana bidang kuasa sedia ada atau yang berpotensi di masa akan datang bagi mempertahankan kedaulatan, keselamatan dan kepentingan Malaysia.
13. Selain daripada tindakan perundangan, Kerajaan juga melalui **Sekretariat Khas sedang mengambil tindakan melalui media dan hubungan diplomatik kerana tindakan oleh penuntut-penuntut ini adalah ancaman kepada keselamatan dan kedaulatan negara.** Mereka telah membuat pelbagai kenyataan yang tidak benar, memutar belit tafsiran sejarah dan memburukkan imej Malaysia.
14. **Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Komunikasi dan Digital** telah mengambil tindakan untuk melancarkan laman sesawang rasmi Malaysia iaitu **malaysia-sulucase.gov.my** bagi memberikan fakta yang betul dan sahih, menangkis tohmahan penuntut tersebut serta bagi membolehkan rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa mengikuti perkembangan kes ini secara telus dan benar.
15. **Laman sesawang ini akan sentiasa diperkemas dan ditambah maklumat, dokumen dan pelbagai lagi dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan kes ini.** Kita juga akan membolehkan laman sesawang ini diakses dalam lima bahasa secara berperingkat iaitu Melayu, Inggeris, Perancis, Sepanyol dan Tagalog bagi membolehkan pelbagai pihak dan media antarabangsa mengikuti dan memahami kes ini melalui kebenaran yang dikemukakan Kerajaan Malaysia.
16. **Saya berharap warga media dan rakyat Malaysia khususnya akan mengakses serta mengikuti kes ini dengan teliti mengikut lawan sesawang rasmi Malaysia kerana pelaporan dan sebaran maklumat yang tidak benar atau tidak tepat, akan mempunyai kesan besar dan serius kepada kedaulatan dan keselamatan negara Malaysia.**

17. Saya ucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan sokongan kepada usaha Kerajaan **melancarkan laman sesawang ini.**

Sekian, terima kasih.